

Stesen Bas Klang bakal berubah wajah

KUALA LUMPUR – Mass Rapid Transit Corp. Sdn. Bhd. (MRT Corp.) memulakan kerja-kerja membangunkan semula stesen Bas Klang kepada stesen bawah tanah MRT Pasar Seni bagi laluan MY Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh-Kajang.

Pengarah untuk pihak berkepentingan/tanah MRT Corp., Haris Fadzillah Hassan berkata, projek pembangunan semula itu akan melibatkan kaedah dari atas ke bawah dan dijangka siap dalam tempoh enam bulan.

"Kami akan mengadakan taklimat teknikal dengan pemilik perniagaan di kawasan itu pada hari Isnin ini bagi menyakinkan mereka bahawa tidak akan berlaku sebarang aktiviti meroboh dan pengambilalihan serta pihaknya akan membayar ganti rugi bagi sebarang kerosakan kepada perniagaan mereka," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Stesen yang dibina itu akan menjadi pusat integrasi utama dengan stesen transit aliran ringan (LRT) Pasar Seni akan menjadi stesen LRT paling sibuk daripada segi trafik penumpang.